# Semangat kejiranan eratkan perpaduan

**SAUDARA PENGARANG,**

**AJARAN** Islam sangat mementingkan keharmonian dan kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat. Semua ini boleh dicapai melalui konsep kejiranan yang baik. Dalam kehidupan berjiran umat Islam digalakkan menghubungkan silaturahim, mengeratkan hubungan persaudaraan, menyatukan keluarga dan mengeratkan persahabatan dengan jiran tetangga.

Di peringkat sekolah lagi usaha memupuk perpaduan ini dijalankan. Melalui pelbagai kegiatan di sekolah khususnya kokurikulum murid-murid dapat bergaul dan berinteraksi dengan kawan-kawan mereka daripada pelbagai kaum.

Sememangnya sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat pelbagai etnik, setiap murid perlu dididik dan dipupuk dengan semangat perpaduan dalam jiwa mereka supaya tidak timbul pertelingkahan antara kaum pada masa akan datang.

Oleh itu, masyarakat di negara ini terutamanya yang beragama Islam hendaklah menunjukkan cara hidup yang baik khususnya hidup berjiran kerana kejiranan adalah asas kepada perpaduan.

Hakikatnya, sebagai sebuah negara pelbagai bangsa, keturunan, agama, budaya dan adat resam amalan hidup berbaik-baik antara satu dengan yang lain amat dituntut dalam usaha mewujudkan suasana harmoni serta aman.

Berkaitan hal ini, Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: *"Di antara kebahagiaan seorang muslim adalah mempunyai tetangga yang soleh, rumah yang luas dan kenderaan yang meriangkan"*. (Riwayat Ahmad dan Al-Hakim)

Jelaslah kehidupan bermasyarakat bersama jiran tetangga yang baik akan memberikan ketenangan dan kedamaian dalam kehidupan. Melalui semangat kejiranan yang erat, hubungan kekeluargaan dan silaturahim juga dapat diperkukuhkan.

Sesungguhnya kita tidak dapat mengelakkan diri daripada sesebuah masyarakat yang hidup bantu-membantu. Dalam menjalani kehidupan seharian kita juga memerlukan bantuan dari orang lain. Kerjasama melalui semangat kejiranan dan perpaduan seumpama ini harus dapat dikekalkan sentiasa.

Kita juga sering mengalami kesusahan dan kesakitan. Sebagai contoh, orang akan menziarahi kita jika kita sakit. Begitu juga orang akan membantu kita jika kita ditimpa kemalangan. Islam mengajak umat Islam bersatu padu dalam hal-hal kebaikan termasuk mengukuhkan semangat kejiranan.

**DR. AMINUDIN MANSOR**
UKM



**KEJIRANAN** yang baik adalah asas kepada perpaduan rakyat di negara ini. - **GAMBAR HIASAN**